

# Peguam dan profesor SMU dilantik jadi pesuruhjaya kehakiman

SEORANG peguam korporat dan seorang profesor undang-undang hak milik intelektual telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi bagi tempoh setahun.

Mereka ialah Encik George Wei, 58 tahun, pakar hak milik intelektual di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), dan Encik Edmund Leow, 50 tahun, ketua pengurusan firma guaman Baker & Mackenzie.

. Pelantikan Encik Wei berkuat kuasa semalam, manakala pelantikan Encik Leow pula bermula 1 Oktober nanti.

Kededuanya dilantik oleh Presiden Tony Tan Keng Yam, yang bertindak atas budi bicaranya dengan persetujuan serta nasihat Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong.

Demikian menurut satu kenyataan Pejabat Perdana Menteri kelmarin.

Dengan pelantikan terbaru itu, Mahkamah Agung kini mempunyai seramai 15 hakim.

Ini termasuk Hakim Besar dan tiga Pesuruhjaya Kehakiman.

Encik Wei meraih diploma undang-undang dari Sekolah Pengajian Oriental dan Afrika di Britain pada 1978.

Beliau juga meraih Sarjana Undang-Undang dari Universiti College London pada 1984.

Bapa seorang anak lelaki itu telah menulis lima buku mengenai hak cipta dan hak milik intelektual.

Encik Leow pula lulus dari Universiti Cambridge pada 1986 dengan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, dan pengkhususannya adalah dalam undang-undang cukai dan korporat.

Bapa dua anak itu pula merupakan anggota perintis dan naib presiden Persatuan Pengamanah Singapura yang ditubuhkan pada 2002.